

D645

U 8881 DEB
MAHATHIR - KARNIVAL

MELAKA, 13 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN PUSAT MEMPERUNTUKKAN \$100 JUTA KEPADA PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN MALAYSIA (TDC) UNTUK MEMPERKENALKAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN.

BELIAU BERKATA, LANGKAH ITU PERLU MEMANDANGKAN MALAYSIA TIDAK BEGITU TERKENAL SEPERTI NEGARA-NEGARA LAIN DI RANTAU ASEAN DALAM SEKTOR BERKENAAN.

DENGAN PERUNTUKAN ITU, TDC BOLEH MEMPERGIATKAN USAHA UNTUK MEMPERKENALKAN MALAYSIA DI KACA MATA DUNIA, KATANYA PADA PERASMIAN SERENTAK +KARNIVAL MELAKA+, TAMAN HAIWAN MELAKA DAN PUSAT EKSPLO DI TAPAK EKSPLO ITU DI AIR KERUH DEKAT SINI.

BELIAU BERHARAP MELAKA SEBAGAI SEBUAH NEGERI BERSEJARAH AKAN MENGGUNAKAN SEPENUHNYA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN BAGI MEMAJUKAN SEKTOR ITU.

BELIAU BERKATA BANYAK BANGUNAN BERSEJARAH DI MELAKA YANG BOLEH MENARIK PARA PELANCONG DAN OLEH ITU, USAHA-USAHA PERLU DIPERTINGKATKAN BAGI MEMAJUKAN SEKTOR PELANCONGAN. - LAGI.

1548MST 13 08 87

D650

U 8884 DEB
MAHATHIR - KARNIVAL 2 MELAKA

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENEGASKAN BAHAWA BANGUNAN-BANGUNAN BERSEJARAH DI NEGERI INI SAHAJA TIDAK MENCIKUPI UNTUK MENARIK PARA PELANCONG TETAPI APA YANG LEBIH PENTING IALAH RAKYATNYA PERLU BERBUDI BAHASA DAN PERAMAH.

KATANYA, SEKTOR PELANCONGAN BOLEH MEMBAWA KEUNTUNGAN KERANA RAKYAT AKAN MENDAPAT FAEDAH DARIPADA PERBELANJAAN PARA PELANCONG YANG BERKUNJUNG KE NEGARA INI.

PADA MAJLIS ITU, KETUA MENTERI DATUK SERI ABDUL RAHIM THAMBY CHIK MENYERAHKAN MEMORANDUM KEPADA PERDANA MENTERI BAGI MENGISYTIHARKAN MELAKA SEBAGAI BANDARAYA BERSEJARAH.

PUSAT EKSPLO YANG TERLETAK DI KAWASAN SELUAS 10 HEKTAR ITU BERHARGA \$3.4 JUTA DAN MENEMPATKAN 90 GERAI TETAP DAN SEBUAH DEWAN BESAR YANG BOLEH MENAMPUNG 1,500 ORANG.

KARNIVAL MELAKA AKAN BERLANGSUNG SELAMA 18 HARI YANG BERTUJUAN MEMAPARKAN KEJAYAAN KERAJAAN NEGERI DAN SWASTA DALAM PELBAGAI SEKTOR SEPERTI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN, PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN. -

LAGI.

1557MST 13 08 87

D654

U 8891 DEB
MAHATHIR - KARNIVAL 3 MELAKA

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DISAMBUT MERIAH DI TAPAK EKSPLO ITU, PENUH ISTIADAT TRADISIONAL DENGAN PALUAN KOMPANG SERTA DIIRINGI OLEH GADIS-GADIS YANG MEMBAWA SIRIH JUNJUNG.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI KERJA RAYA, DATUK S.SAMY VELLU, MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DATUK SABARUDDIN CHIK, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR DATUK AMAR STEPHEN YONG, KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN SERTA WAKIL-WAKIL MENTERI BESAR.

SELEPAS UPACARA PERASMIAN, PERDANA MENTERI DAN ISTERI DENGAN DIIRINGI OLEH ENAM ANGGOTA POLIS BERKUDA TELAH BERKERETA KUDA UNTUK MELAWAT TAMAN HAIWAN MELAKA YANG TERLETAK BERSEBELAHAN PUSAT EKSPLO.

DI TAMAN ITU, PERDANA MENTERI BERKERETA PULA MELAWAT DI SEKITAR TAMAN HAIWAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMAKAN SEEKOR ANAK BADAK SUMBU SEBAGAI +MINAH+ YANG DILAHIRKAN DI TAMAN ITU PADA 23 MEI LEPAS.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN BERTOLAK KE SERI BENDAHARA, KEDIAMAN RASMI KETUA MENTERI UNTUK JAMUAN TENGAH HARI SEBELUM BERTOLAK KE ALOR GAJAH UNTUK MERASMIKAN WISMA UMNO BAHAGIAN ITU. - BERNAMA.
1605MST 13 08 87